

04 MAY 1999

Annuar-Puisi

MALAM PUISI PUTRA DI KOTA BAHARU 10 MEI INI

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menganjurkan Malam Puisi Putra sempena mesyuarat penyelarasan Pembangunan Luar Bandar antara anggota-anggota mesyuarat kerajaan negeri dan kementerian pada 10 Mei ini.

Malam Puisi Putra adalah manifestasi kepada meningkatkan semangat patriotisme kepada negara, memperingati kelahiran Umno, meningkatkan kecintaan alam dan menggilap seni budaya tradisi, kata menteri berkenaan Datuk Haji Annuar Musa hari ini.

Ia akan dijayakan oleh M.Nasir, Ramli Sarip, Marlia Musa, Sabri Yunus, Sani Sudin, Julfikar, Marsli N.O, Shukri Abdullah, Rahimidin Zahari, Wadileta S.A dan beberapa penyair lain yang memang telah menyerlah dalam dunia puisi.

Annuar berkata beliau juga akan membaca puisi khas dan beberapa orang Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dijangka turut menyumbangkan puisi masing-masing.

Semasa bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini, Annuar berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan Malam Puisi Putra itu di Pusat Ukhuwah, Tarbiyah dan Riadah Rakyat (PUTRA), Kampung Chengal Kadok, Kota Baharu.

Beliau berkata konsep Malam Puisi Putra agak berlainan dengan ia diadakan dalam suasana kampung dan menggabungkan unsur-unsur tradisi rakyat Kelantan.

Beliau mempelawa semua pengiat seni, pejuang lama dari Kelantan, exco pembangunan luar bandar di setiap negeri dan wakil rakyat dari semua negeri serta pelajar tingkatan empat dan lima memeriahkan lagi majlis itu.

Malam Puisi Putra akan dipengerusikan oleh Ras Adiba Radzi, yang akan memelodikan puisi "Perjuangan Belum Selesai" hasil nukilan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada akhir persembahan puisi itu.

-- BERNAMA

RT AHH NAK